



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

SOLAT SEMPURNA, JIWA TERPELIHARA

Tarikh Dibaca :

**16 REJAB 1443H/
18 FEBRUARI 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْنَ كَمَا جَاءَ فِي الْقُرْآنِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

SOLAT SEMPURNA, JIWA TERPELIHARA

16 REJAB 1443H / 18 FEBRUARI 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

أَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمُ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khutbah akan membicarakan tajuk: **“Solat Sempurna, Jiwa Terpelihara”**.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan agar kita terus melakukan kawalan sendiri dengan sebaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Peliharalah solat lima waktu dengan sempurna terutamanya solat berjemaah di masjid dan teruslah bermunajat memohon doa kepada Allah SWT agar segala musibah yang melanda saat ini akan segera diangkat dari muka bumi ini. Bersolatlah dengan menjaga rukun, syarat serta sentiasa khushyuk kerana inilah kunci solat yang sempurna. Firman Allah SWT dalam Surah al-Mukminun ayat 1 dan 2:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ، الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ،

Maksudnya: “*Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya*”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Solat yang ditunaikan dengan sempurna sifatnya akan dapat menghalang dan menjadi benteng ampuh bagi insan daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Jika seseorang itu menunaikan solat tetapi masih tidak mampu meninggalkan perkara keji dan mungkar, maka puncanya kerana solat yang didirikan tidak sempurna.

Realiti yang dapat dilihat, ramai yang menunaikan solat namun masih tetap melakukan kemungkaran seperti tidak menutup aurat, mengumpat, mencaci, memfitnah dan sebagainya. Mereka inilah yang disebut oleh Allah SWT sebagai orang-orang yang lalai dan riya'. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maa'uun ayat 4 hingga 6:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ، الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ . الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ،

Maksudnya: “*maka kecelakaan besar bagi orang-orang yang bersembahyang - iaitu mereka yang lalai dari mengerjakan solat. (Juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riya' (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya)*”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Solat yang sempurna akan menjadikan kita sentiasa mengingati Allah SWT seterusnya mendorong jiwa kita menjadi lebih tenang menghadapi segala ujian dunia dan bersyukur dengan apa yang ada. Mereka yang sentiasa menjaga solatnya pasti merasai kenikmatan, ketenangan dan kerehatan jiwa rohaninya.

Selain itu, solat juga merupakan pemisah antara orang yang beriman dan orang yang kufur. Orang yang meninggalkan solat, hidup mereka terus diselubungi kekusutan dan kekufuran. Oleh itu, ibadat solat perlulah dipelihara dan dilaksanakan dengan sempurna oleh setiap muslim kerana pengabaianya akan menjejaskan kedudukannya sebagai kita seorang yang beriman. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

إِنَّ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرَكَ الصَّلَاةِ

Maksudnya: “*Sungguh, yang memisahkan antara seorang lelaki dengan kesyirikan dan kekufuran ialah meninggalkan solat.*”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Orang yang meninggalkan solat tanpa sebab, kehidupan mereka akan dijauhi dari rahmat Allah SWT. Allah SWT akan menghilangkan rahmat serta keberkatan umur, rezeki dan kehidupannya.

Ingatlah, bahawa orang yang meninggalkan solat tanpa sebarang sebab yang dibenarkan oleh syara', mereka akan dicampakkan oleh Allah SWT ke Neraka Saqar. Al-Maraghi menukilkan dalam kitab tafsirnya *Tafsir al-Maraghi* bahawa Neraka Saqar merupakan tempat penyeksaan dengan seksaan yang tersangatlah pedih. Bentuk seksaannya pula berupa sengatan api yang membakar kulit manusia hingga hitam kulitnya.

Maka, saudara-saudaraku sekalian! Beranikah kita meninggalkan solat sekiranya kita tidak mahu ke satu perhentian yang menyeksaan bagi mereka yang meninggalkan solat. Allah SWT dalam Surah al-Muddaththir ayat 42 dan 43 menggambarkan perihal orang yang tidak menunaikan solat:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ۚ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ۚ

Maksudnya: “(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata: Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar? Orang-orang yang bersalah itu menjawab: Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan solat”.

Oleh itu, bersegeralah menunaikan solat apabila tiba waktunya dan usahlah bertangguh. Sempurnakanlah solat sepertimana yang diajarkan oleh Nabi SAW. Berusahalah memenuhkan masjid pada tiap-tiap waktu.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebelum menutup muhasabah kita pada minggu ini, khatib juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada dua agensi besar negara yang berperanan

sebagai benteng dalam mempertahankan kedaulatan negara dan menyumbang tenaga dalam pemulihan sosial rakyat Malaysia.

Ucapan tahniah ditujukan kepada seluruh warga **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia** yang menyambut Hari Ulang Tahun Ke-17 APMM pada 15 Februari lalu. Semoga APMM terus diberi kekuatan serta perlindungan dalam menjaga keamanan dan keselamatan perairan negara. Sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan yang berlaku di perairan negara, pencerobohan, kemasukan pendatang asing secara haram melalui jalan laut, dan bersama-sama menjaga kebersihan dan keindahan perairan negara.

Seterusnya, penghargaan kepada **Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)** atas komitmen yang jitu dan berterusan dalam usaha membendung dan memulih rakyat Malaysia yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah. Dengan tema “Bahaya Penyalahgunaan Dadah, Lebih Baik Cegah” bersempena Hari Antidadah Kebangsaan yang disambut pada 19 Februari, marilah kita bersama mempertingkatkan kesedaran dan kecaknaan dalam usaha membanteras penyalahgunaan dadah di negara ini. Semoga kerjasama semua peringkat yang ditunjangi kerajaan khususnya AADK dan seluruh agensi swasta, NGO, pemimpin masyarakat dapat dijayakan secara holistik.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai kesimpulannya, khatib ingin menitipkan beberapa nasihat sebagai pedoman kita bersama:

Pertama: Solat yang sempurna membezakan orang yang beriman dengan orang yang syirik serta kufur.

Kedua: Tunaikan solat dengan sesempurna mungkin, kerana masih ada yang melakukan kemungkaran walaupun mereka bersolat, sedangkan solat mampu mencegah perbuatan keji dan mungkar.

Ketiga: Bersolatlah, nescaya kehidupan kita pastinya bahagia, tenang, berkat umur dan rezeki serta dijauhkan daripada Neraka Saqar yang amat pedih seksaannya.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ الْكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي الْكُوغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزُهُ أَمِينُهُ مِيمُونُهُ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.